



KENYATAAN MEDIA

PROGRAM JELAJAH PERANTI PERUBATAN FASA ENDEMIK ANJURAN PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

15 JULAI 2022- Satu Program Jelajah Peranti Perubatan Fasa Endemik telah dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia pada 15 Julai 2022 bertempat di Auditorium Pusat Jantung Negara, Kota Samarahan Sarawak dan dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kesihatan Awam dan Perumahan Sarawak, Yang Berhormat Michael Tiang Ming Tee.

Program Jelajah Peranti Perubatan Fasa Endemik ini merupakan satu program yang dirancang oleh MDA bagi memberi kesedaran kepada orang awam berkaitan peranan MDA dalam mengawal selia industri peranti perubatan di Malaysia serta fasa-fasa peralihan regulatori peranti perubatan terutamanya peranti perubatan berkaitan Covid-19 yang telah memasuki fasa endemik.

Antara objektif program ini dianjurkan adalah:

- i) Menerangkan isu-isu semasa berkaitan peranti perubatan bagi fasa endemik;
- ii) Memberikan penerangan yang jelas mengenai penggunaan kit ujian sendiri Covid-19 beserta peranti perubatan mengikut instruction of use.
- iii) Meningkatkan kesedaran orang awam mengenai pemilihan peranti perubatan yang berdaftar dengan MDA.
- iv) Memberikan kesedaran kepada orang awam mengenai peranan dan tanggungjawab sebagai pengguna peranti perubatan dari penggunaan dan keselamatan.
- v) Memberikan penerangan tentang peranan MDA berhubung kawalan regulatori peranti perubatan di Malaysia.
- vi) Menyediakan panduan kesihatan dan keselamatan orang awam sepanjang fasa endemik.

Orang awam digalakkan untuk menyemak status pendaftaran sesuatu peranti melalui laman sesawang mdar.mda.gov.my. Sebarang aduan berkaitan produk tidak berdaftar boleh disalurkan kepada Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, KKM melalui Sistem Pengurusan Maklumbalas MDA (MDAFEMES) di alamat femes.mda.gov.my agar tindakan sewajarnya dapat diambil bagi membanteras penjualan peranti perubatan yang tidak berdaftar di pasaran.

**Ketua Eksekutif
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
15 Julai 2022**